



Bank Pilihan Anda

## SOALAN LAZIM

### PROGRAM PEMBIAYAAN TIJARI PLUS – CAKNA II

**1) Apakah tujuan utama Program Pembiayaan Tijari Plus – CAKNA II ?**

Program Pembiayaan Tijari Plus – CAKNA II merupakan program pembiayaan kontrak untuk membantu aliran tunai pelanggan Perusahaan Mikro Kecil Sederhana (PMKS) yang dianugerahkan Kontrak daripada Kerajaan Malaysia.

**2) Siapakah pelanggan yang layak memohon dibawah program ini?**

Terbuka kepada semua kontraktor utama/subkontraktor/subkontraktor utama dibawah gred G1 – G4 yang dianugerahkan kontrak bekalan dan perkhidmatan oleh Kerajaan Malaysia.

**3) Apakah jenis- jenis Kontrak untuk program ini?**

**Jenis- jenis Kontrak:**

- 1) Pembinaan dan infrastruktur.
- 2) Bekalan Langsung.
- 3) Perkhidmatan & Penyelenggaraan.
- 4) Pemasangan & Pentauliahan.

**4) Apakah had pembiayaan untuk program ini?**

| Had Pembiayaan                            |
|-------------------------------------------|
| Minimum: RM10,000<br>Maksimum: RM1.0 juta |

**5) Apakah kadar pembiayaan untuk program ini?**

| Kadar Pembiayaan                                                                                                                                                                   |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| *Kadar Asas Pembiayaan + 3.5% sehingga 4.5% p.a.<br><br><i>Nota: Kadar sebenar tertakluk kepada kelayakan pelanggan dan kelulusan Bank Rakyat. (*KAP semasa ialah 6.83% p.a.).</i> |

**6) Berapa lamakah tempoh pembiayaan bagi program ini?**

Berdasarkan tempoh kontrak.

Tempoh minimum: 6 bulan

Tempoh maksimum: 3 tahun

**7) Adakah cagaran diperlukan bagi program ini?**

Tiada cagaran diperlukan.

**8) Berapakah margin pembiayaan maksimum bagi program ini?**

Margin pembiayaan sehingga 80% daripada nilai kontrak atau maksimum RM1.0 juta (mana lebih rendah).

*Nota: Tertakluk kepada jenis kontrak dan penilaian Bank.*

**9) Apakah kriteria kelayakan untuk program ini?**

- Aktiviti perniagaan/ Kontrak yang diberikan/ tujuan pembiayaan mestilah mematuhi Syariah.
- Syarikat/Perniagaan yang telah beroperasi sekurang-kurangnya 2 tahun.
- Jumlah jualan DAN keuntungan mesti direkodkan untuk 1 tahun terakhir.
- Dana pemegang saham yang positif bagi Syarikat Sendirian Berhad (Pengecualian untuk Milikan Tunggal/Perkongsian).
- Rekod CTOS dan CCRIS yang memuaskan.
- Tidak direkodkan sebagai Akaun dibawah Permerhatian Khas.
- Rekod prestasi yang memuaskan dalam menyiapkan kontrak/projek terdahulu.
- Tidak disenaraihitamkan oleh CIDB atau mana-mana pihak yang berkaitan dengan kontrak sebelum dan semasa.

*Nota :*

- *Kriteria kelayakan di atas adalah syarat minimum yang ditetapkan di bawah program ini. Tambahan terma dan syarat boleh dikenakan bergantung kepada penilaian Bank.*



**10) Apakah dokumen yang diperlukan untuk membuat permohonan bagi program ini?**

- 1) Salinan sijil pendaftaran perniagaan yang sah dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Pihak Berkuasa Tempatan, Kementerian Kewangan (MOF), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Penilaian Kompetensi Kemahiran (PKK).
- 2) Dokumen yang diperakui sah (Borang 24, Borang 49, Memorandum dan Artikel Persatuan atau Perlembagaan, yang mana berkenaan).
- 3) Untuk Syarikat (Sdn Bhd) – Akaun Beraudit terkini atau Akaun Pengurusan Terkini (mana-mana yang berkenaan yang disahkan oleh setiausaha syarikat).
- 4) Untuk milikan tunggal/ perkongsian – Penyata Kewangan terkini (Disahkan oleh pemilik)
- 5) Salinan Penyata Bank 6 Bulan terkini.
- 6) Unjuran aliran tunai kontrak/projek.
- 7) Sebarang dokumen tambahan yang diperlukan oleh Bank Rakyat.

**11) Berapa lamakah proses kelulusan permohonan bagi program ini?**

Empat belas (14) hari bekerja dari tarikh dokumen lengkap sehingga pengeluaran Surat Tawaran.

**12) Berapa lamakah tempoh program ini?**

Tiada tempoh yang ditetapkan untuk program ini. Program ini akan ditawarkan sehingga dana peruntukan habis digunakan.

**13) Bagaimanakah cara untuk memohon pembiayaan ini?**

Pelanggan boleh melayari <https://qr2e.bankrakyat.com.my> atau [www.bankrakyat.com.my](http://www.bankrakyat.com.my) untuk maklumat lanjut.

Pelanggan juga boleh menghubungi atau mengunjungi mana-mana Pusat Perbankan Perniagaan Bank Rakyat (BBC) yang berdekatan.



Senarai BBC adalah seperti berikut:

| No. | Pusat Perbankan Perniagaan | Alamat                                                                                                                                         | Nombor Telefon |
|-----|----------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------|
| 1.  | Kuala Lumpur               | Tingkat 15, Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat, No 33. Jalan Rakyat, KL Sentral, 50470, Kuala Lumpur.                                         | 03-26004751    |
| 2.  | Selangor                   | No. 9 & 11, Tingkat 1, Jalan Tengku Ampuan Zabedah, U9/9H, Seksyen 9, 40000, Shah Alam, Selangor.                                              | 03-55198427    |
| 3.  | Melaka/Negeri Sembilan     | Unit 4-3, Tingkat Tiga, Jalan KC 1, Kota Cemerlang, 75450, Ayer Keroh, Melaka.                                                                 | 06-2310498     |
| 4.  | Pahang                     | No. 43A, Jalan Haji Abdul Aziz, 25000 Kuantan, Pahang.                                                                                         | 09-5133432     |
| 5.  | Perak                      | No. 61, Tingkat Bawah & Tingkat 1, Lengkok Kledang Raya, Taman Kledang Raya, 30100 Ipoh, Perak.                                                | 05-5280757     |
| 6.  | Johor                      | No 61, Tingkat 1, Susur Larkin Perdana 1, Persiaran Lakin Perdana, Taman Larkin Perdana, 81100, Johor Bahru, Johor.                            | 07-2446481     |
| 7.  | Utara                      | No 21 & 22, Tingkat 2, Jalan Jati 1/1, Pusat Perniagaan Amanjaya, 08000, Sungai Petani, Kedah                                                  | 04-4404685     |
| 8.  | Pantai Timur               | Tingkat 1 & 2, PT 1711, Jalan Raja Zainab 2, Bandar Baru Kubang Kerian, 16150 Kota Bharu, Kelantan.                                            | 09-7642436     |
| 9.  | Sabah                      | Lot 5 & 6, Tapak Putatan Baru, Jalan Putatan, 88300 Kota Kinabalu, Sabah.                                                                      | 08-876352      |
| 10. | Sarawak                    | Block E Tower, Lot No. 1654 (SL46), Sentosa Parade, Block 46 Kuching Central Land District, 7th Mile, Jalan Penrissen, 93250 Kuching, Sarawak. | 082-612594     |

- ❖ Soalan lazim (FAQ) ini perlu dibaca bersama dengan helaian syarat (term sheet) program Program Pembiayaan Tijari Plus – CAKNA II

